

# Bagaimana kita tahu yang bayi kita sedang mengalami cirit-birit?

Oleh Dr Haslina Hasan








<http://www.papisma.org/panduankesihatan/>

Ramai ibu-bapa tertanya-tanya sekiranya bayi mereka mendapat cirit-birit kerana pergerakan usus bayi berlaku dengan kerap. Pergerakan usus bayi yang biasa bergantung kepada samada dia diberi susu ibu atau susu rumusan.

Najis bayi yang diberi susu ibu biasanya berwarna kekuningan, lembut atau berair

Carta Najis Bristol adalah kaedah yang paling baik untuk dijadikan rujukan kepada ibu-ibu apabila bertemu dengan Doktor.

## Bristol Stool Chart

Type 1		Separate hard lumps, like nuts (hard to pass)
Type 2		Sausage-shaped but lumpy
Type 3		Like a sausage but with cracks on its surface
Type 4		Like a sausage or snake, smooth and soft
Type 5		Soft blobs with clear-cut edges (passed easily)
Type 6		Fluffy pieces with ragged edges, a mushy stool
Type 7		Watery, no solid pieces. <b>Entirely Liquid</b>

dan berlaku 5 kali atau lebih sehari. Adakalanya bayi baru lahir yang diberi susu ibu mungkin mempunyai pergerakan usus sewaktu atau serta merta selepas setiap susuan. Ini kerana apabila perutnya penuh, susu merangsang keseluruhan saluran usus menyebabkan pergerakan usus. Dalam masa sebulan, pergerakan usus kebanyakan bayi yg diberi susu ibu menurun kepada 1 hingga 2 kali sehari.

Pergerakan usus bayi yang diberi susu rumusan cenderung untuk berlaku sekali sehari dan lebih mempunyai bentuk.

Cirit birit juga mudah berlaku ke atas bayi yang baru bertukar susu. Samada perubahan dari susu ibu ke susu formula atau bertukar jenis susu. Ini adalah fenomena biasa dan tidak perlu dibimbangkan. Cirit-birit ini akan berhenti paling kurang dalam masa 4 hingga 7 hari.

Sekiranya anak anda mula membuang najis yang berbau, berair dengan jaluran lendir atau sekiranya dia demam atau kehilangan berat badan, ia mungkin cirit-birit, dapatkan nasihat doktor anda dengan segera.